



Perkhidmatan Bagi Manusia

ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG

Penaung: T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas,
S.M.N., D.U.P.N., S.P.D.K., D.P., D.M.P.N., D.J.N.

Presiden: Y. Bhg. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, P.S.M.



Pengerusi/Pemerintah Negeri: Dato' Dr. Yee Thiam Sun, D.S.P.N., K.M.N., D.J.N., P.K.T., P.J.M.,
MBBS (Agra), MCGP (Mal), FAFP(Mal), FACSM (USA), MSPCard(Rome), LFOM (Ire),
No. Tel: 04-6560024 (Rum); 012-4383363 (Bimbit)
E-mail: yeethiamsun@gmail.com

Setiausaha Kehormat Negeri: Dr. Tan Kean Chye, M.D.
No. Tel: 016-4545629 (Bimbit)
E-mail: tkchye@sjampenang.org.my

Alamat Ibu Pejabat: 24-A, Jalan Grove, 11400 Pulau Pinang, Malaysia No. Tel: 04-8285972 / 04-8292972 No. Faks: 04-8293334
E-mail: admin@sjampenang.org.my Laman Web: <http://www.sjampenang.org.my>

PEKELILING NEGERI

Rujukan: SJAM/PP/01/02/002(2008-6)

30 Jun 2008

Pengerusi Rancangan Kokurikulum SJAM/PBSM/Kelasiswa, USM,
Semua Guru Penasihat St. John Ambulans Malaysia, Negeri Pulau Pinang,
Semua Pegawai dan ahli St. John Ambulans Malaysia, Negeri Pulau Pinang.

Tuan / Puan,

1. Perbarisan Tahunan SJAM Pulau Pinang Tahun 2008

Merujuk kepada perkara diatas, adalah dimaklumkan bahawa Perbarisan Tahunan adalah pada 10 Ogos 2008 (Ahad), jam 8.00 pagi di Padang Polo, Pulau Pinang. Penaung SJAM negeri Pulau Pinang, yang juga Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, S.M.N., D.U.P.N., D.M.P.N., D.J.N., akan menghadiri dan memeriksa perbarisan pada hari tersebut. Turut dijemput hadir adalah Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Semua pegawai dan ahli **DIWAJIBKAN** menghadiri perbarisan yang diadakan setahun sekali. Kegagalan menghadiri perbarisan akan menyebabkan tuan/puan hilang kecekapan tahunan.

2. Raptai Perbarisan

Raptai Perbarisan Tahunan SJAM adalah pada 3hb Ogos 2008 (Ahad), jam 9.00 pagi hingga 12:00 tengahari di Padang Polo, Pulau Pinang. Setiap kontijen diminta menghantar **seorang ketua kontijen dan seorang penanda kanan** dan beberapa orang wakil untuk menghadiri raptai. Kehadiran amatlah penting supaya pihak tuan/puan dapat mengetahui kedudukan dan perjalanan perbarisan. Oleh itu, sila pastikan wakil-wakil kontijen **HADIR**.

3. Borang Senarai Nama Kehadiran Perbarisan Tahunan (Borang BF 18)

Bersama-sama ini disertakan Borang BF 18 untuk dilengkapkan. Borang ini perlu dipulangkan kepada En. Tan Hai Keat, P.J.K,P.J.M., **pada hari Perbarisan Tahunan di Padang Polo, Pulau Pinang**, iaitu 10 Ogos 2008.

- 3.1 Borang BF 18 mestilah diisi dalam **4 salinan**. Oleh itu, sila fotostat jika tidak mencukupi. Borang boleh dimuat turun daripada laman web www.sjampenang.org.my.
- 3.2 Semua nama ahli dan Pegawai/Penguasa Divisyen perlu diisikan dalam borang, **tidak kira pegawai/ahli tersebut hadir atau tidak hadir** perbarisan.
- 3.3 Nama **rekrut** perlu diisikan dalam borang BF 18 yang berasingan.
- 3.4 Ruangan **kedatangan** hanya diisikan pada hari perbarisan.
- 3.5 Sila isikan nama mengikut **kekananan** (bermula dari paling senior).
- 3.6 Sila isikan ahli-ahli **Nusing Cadet, Nursing, Ambulance Cadet, dan Ambulance** kepada senarai yang berasingan.

4. Maklumat tentang bilangan ahli yang akan hadir

Pihak kami memerlukan maklumat tentang bilangan ahli yang akan hadir pada hari Perbarisan Tahunan, untuk memudahkan kami membuat persediaan minuman, makanan, dan sebagainya. Oleh itu, tuan/puan diminta melengkapkan dan memulangkan surat jawapan yang disertakan, sebelum 1hb Ogos 2008, untuk perhatian En. Ng Kar Hoong Setiausaha, Jawatankuasa Perbarisan Tahunan SJAM Negeri Pulau Pinang.

5. Kawad Kaki

Maklumat terperinci tentang kawad kaki dan perbarisan akan dijelaskan semasa raptai perbarisan. Sebarang pertanyaan sila hubungi En. Ideris Ibrahim (012-4572485) atau En. Leong Khai Sheong (012-5610554). Sila makan dan minum dahulu sebelum masuk baris untuk mengelakkan pitam.

6. Subsidi Tambang Perjalanan

Ahli-ahli yang tinggal jauh dari kawasan Perbarisan Tahunan seperti Balik Pulau dan Kawasan Seberang Perai, boleh memohon subsidi tambang bas untuk menghadiri raptai perbarisan dan Hari Perbarisan. Guru Penasihat/Pegawai Divisyen diminta menguruskan sewa bas untuk ahli-ahli. Segala permohonan subsidi mestilah dibuat melalui Pemerintah Kawasan masing-masing dan hantarkannya kepada Pemerintah Negeri SJAM Pulau Pinang dalam masa 2 minggu selepas tamatnya perbarisan.

Kerjasama dan tindakan segera tuan/puan dalam hal yang tersebut di atas amat dihargai dan disanjung tinggi. Sekian, terima kasih.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“PERKHIDMATAN BAGI MANUSIA”

Saya yang menjalankan tugas,



(DR. TAN KEAN CHYE, MD)
Setiausaha Kehormat Negeri,
St. John Ambulans Malaysia,
Negeri Pulau Pinang.

s.k.

1. Pemerintah Negeri, St. John Ambulans Malaysia, Negeri Pulau Pinang.
2. Pengerusi, Jawatankuasa Perbarisan Tahunan, 2008
3. Setiausaha, Jawatankuasa Perbarisan Tahunan, 2008
4. Naib Canselor USM, Pengetua/Guru Besar sekolah yang berkenan